



SIARAN MEDIA

PROGRAM KEMASYARAKATAN INDAHNYA RAMADAN DI ANGSANA JOHOR BAHRU MALL *UDA Raikan 50 Anak Orang Asli Muslim*

Angsana JB Mall, Johor, 7 Jun - Bersempena dengan bulan Ramadan ini, UDA Holdings Berhad (UDA) melalui anak syarikatnya UDA Angsana Johor Bahru Mall telah meneruskan agenda tahunannya dengan mengadakan majlis berbuka puasa bagi golongan yang memerlukan. Bezanya pada tahun ini, UDA meraikan 50 anak orang Asli beragama Islam dari Kampung Simpang Arang, Gelang Patah Johor Bahru.

Majlis yang diadakan di Angsana Johor Bahru Mall diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah, yang merupakan Pengerusi UDA merangkap juga Ahli Parlimen Wangsa Maju. Turut hadir sama adalah Pengarah Urusan Kumpulan UDA iaitu YBhg. Datuk Ahmad Abu Bakar.

Majlis yang ringkas namun meriah ini diharapkan mendapat keberkatan terutama di bulan Ramadan yang mulia, dengan adanya pemberian sumbangan kepada golongan yang memerlukan. 50 orang anak-anak orang asli telah dipilih dan diraikan dengan membawa mereka membeli belah baju raya di Angsana Johor Bahru Mall bernilai RM300 setiap seorang. Selain itu juga, RM50 duit raya turut diagihkan kepada setiap seorang anak orang asli tersebut.

Bersempena dengan bulan Ramadan ini, dan dalam menjalankan tanggungjawab sosialnya, pelbagai program telah dirancang dan diadakan untuk mendekatkan UDA dengan masyarakat di mana sebelum ini, UDA telah menganjurkan majlis seumpama ini di Ancasa Hotel & Spa, Kuala Lumpur. Tahun ini, Indahnya Ramadan akan turut dilaksanakan di Wangsa Maju pada 10 Jun dan seterusnya di Pekan, Pahang pada 12 Jun bersama warga Universiti Malaysia Pahang (UMP).

UDA mengharapkan agar program seperti ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menjalani ibadah pada bulan Ramadan selain menyambut Aidilfitri dengan suasana yang ceria. Ia juga adalah sebagai salah satu platform kepada UDA untuk merapatkan lagi hubungan antara syarikat dengan masyarakat setempat.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Norazuana Abdullah (Wana) | norazuana@udanet.com | +6019 223 9153
- Nor Akmalia Husaini (Intan) | akmalia@udanet.com | +6012 710 1102

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855